

Karnival pacu semangat belajar

■ Asasi Education Fair 2015 beri pendedahan bidang untuk diceburi di peringkat ijazah

Oleh Fazurawati Che Lah
fazurawati@hmetro.com.my
Serdang

Karnival Asasi Education Fair diteruskan sekali lagi oleh Pusat Asasi Sains Pertanian Universiti Putra Malaysia (UPM) pada tahun ini apabila menerima sambutan menggalakkan daripada pelajar sekolah.

Asasi Education Fair 2015 membuka peluang dan pendedahan kepada pelajar meneroka bidang yang akan diceburi di peringkat Ijazah Sarjana Muda sebaik menamatkan program Asasi.

Pelajar Maahad Integrasi Tahfiz Sains dan Teknologi Istana Bandar, Jugra, Banting, Alif Farhan Razman Shah, 17, mengakui gembira menyertai program itu yang disifatkan sebagai pendorong kepadanya untuk meneruskan pengajian dalam bidang diminati.



PELAJAR teruja melihat eksperimen dijalankan.

“Saya meminati bidang kejuruteraan, selepas melihat pelbagai reka cipta yang dipamerkan sehingga semakin tertarik dan bersemangat menyambung pengajian dalam kursus itu

“Malah, pengalaman senior yang sedang mengikuti pengajian ini semakin menaikkan semangat bagi memastikan impian bergelar jurutera tercapai,” katanya.

Manakala, rakannya Muhd Wildan Azman, 16, pula menyifatkan pameran itu sebagai pendedahan awal untuk persiapan melangkah ke alam universiti.

“Biarpun masih berbaki setahun untuk menamatkan persekolahan, tetapi melalui pendedahan ini saya memperoleh pelbagai maklumat berkaitan kursus yang ditawarkan.


“Melalui cara sebegini, pelajar mampu membuat pilihan tepat memilih bidang diminati

sekali gus berusaha bersungguh-sungguh mengejanya,” katanya meminati bidang pengkhususan Sains.

Pengarah Pusat Asasi Sains Pertanian Prof Dr Mahiran Basri berkata, program itu turut menjadi antara mekanisme bagi mempromosikan UPM kepada masyarakat khususnya kepada pelajar lepasan sekolah dan matrikulasi.

“Mereka yang hadir dapat berinteraksi secara terus dengan pihak fakulti bagi mendapatkan gambaran atau perancangan untuk melanjutkan pengajian di universiti,” katanya.

Sebanyak lapan fakulti mengikuti karnival sehari itu antaranya Fakulti Pertanian, Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul, Fakulti Pengajian Alam Sekitar, Fakulti Kejuruteraan, Fakulti Sains dan Fakulti Perubatan Veterinar.



Rewarding end: Kamalanathan (seventh from right) in a group photo with Nestle representatives, headmasters and students of the winning schools.